

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

**HKB 501 – Konvensi, Tipainduk dan Tema-Tema Kesusasteraan
Asia**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan : **DUA** dari Bahagian A dan **DUA** dari Bahagian B. Soalan 6 dan soalan 7 adalah soalan pilihan.

Bahagian A

1. Penulisan *Sejarah Melayu / Sulalatus Salatin* tidak sahaja disusun dalam kerangka kedudukan arkitaipal raja dari pengaruh Hindu tetapi juga tercerna dalam pemikiran Islam tentang raja selaku *zillullah fi alam*. Berdasarkan pernyataan ini, beri suatu tafsiran tentang faktor-faktor yang membawa kepada zaman kegemilangan dan kejatuhan kesultanan Melayu Melaka.

2. Tindakan Rostam membunuh anaknya Sohrab seperti tergambar dalam *Shahnameh* menimbulkan pelbagai keraguan terhadap kedudukan Rostam selaku wira nasional masyarakat Parsi. Bincangkan pandangan ini dengan membandingkannya dengan peristiwa-peristiwa yang mempunyai tema yang hampir sama seperti terdapat dalam tradisi Melayu.

3. Sebahagian besar daripada hikayat dan epik yang hidup subur dalam tradisi kesusteraan Asia diwarnai dengan konvensi plot romans yang sama. Dengan mengambil contoh-contoh daripada beberapa buah karya romans masyarakat Asia yang bersesuaian, bincangkan faktor-faktor yang membawa kepada persamaan plot romans tersebut dan ciri-ciri khusus bagi romans sesuatu masyarakat itu.

Bahagian B

4. Pilih dua cerita yang bertemakan sumbang mahram, satu dari Nusantara dan satu lagi daripada Asia Besar. Perlihatkan ciri persamaan cerita-cerita tersebut dari sudut persepsi kebudayaannya. Kemudian bincangkan sebab-sebab yang membezakan kedua-dua cerita tersebut dengan konsepsi pengkritik Barat terhadap sumbang mahram yang berlaku dalam *Oedipus*.
5. Antara cerita-cerita Nabi dalam *Al-Quran*, Kisah Nabi Yusuf mendapat perhatian ramai penulis untuk ditulis semula sebagai hasil kesusteraan. Bincangkan kekurangan yang lahir daripada transformasi ini dari sudut amanat dan kesan yang mahu disampaikan oleh kitab suci ini.

SAMA ADA

6. *Mathnawi* karya Jalaluddin Rumi adalah sebuah hasil klasik bertemakan cinta murni seorang salik kepada Khaliqnya. Dengan contoh-contoh yang jelas bincangkan keterampilan karya agung ini.

ATAU

7. *Manteq at-Tair* adalah renungan Farid ud-Din Attar tentang jalan mujahadah bagi seseorang untuk menemui Kekasihnya. Bincangkan tentang ujian-ujian yang dihadapi setiap orang yang berkehendakkan pertemuan yang abadi ini.